

31 JUL 1997

Mahathir-Islam (bergambar)

MAJLIS RAJA-RAJA SETUJU UNDANG-UNDANG ISLAM DISELARAS

KUALA LUMPUR, 31 Julai (Bernama) -- Majlis Raja-Raja hari ini bersetuju dengan cadangan agar pelaksanaan undang-undang Islam di semua negeri diselaraskan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bagaimanapun, menurut Perdana Menteri, penyelarasan itu hanya dapat dilaksanakan selepas Majlis Raja-raja berpuas hati dengan kajian oleh satu jawatankuasa khas.

"Kita akan menubuhkan sebuah jawatankuasa khas dan Sultan Perak akan memberi nasihat mengenai aspek undang-undang dan hasilnya akan dibentangkan pada persidangan Majlis Raja-raja," kata Dr Mahathir kepada pemberita selepas menerima Piala Perdana Menteri dan melancarkan perlumbaan go-kart INDY 40 Enduro di sini hari ini.

Piala itu ialah untuk perlumbaan tersebut yang akan diadakan di Langkawi 30 Ogos ini sempena ulangtahun kemerdekaan ke-40.

Dr Mahathir tidak menolak kemungkinan perkara itu akan dibincangkan pada sidang Majlis Raja-raja "pada masa terdekat".

Selasa lepas, sekembalinya daripada cuti selama dua bulan, beliau berkata perkara itu akan dibawa ke Mesyuarat Majlis Raja-raja bagi mendapatkan persetujuan.

Bagaimanapun Perdana Menteri berkata Kedah yang bukan anggota jawatankuasa raja-raja mengenai agama mengambil keputusan untuk menunggu hasil kajian yang dilakukan oleh jawatankuasa di bawah Jabatan Perdana Menteri itu sebelum membuat keputusan.

"Semua bersetuju tetapi Kedah berkata akan bersetuju selepas melihat (kajian dan cadangan) kerana ia bukan anggota jawatankuasa Raja-raja mengenai Islam," katanya.

Pahang yang juga bukan anggota jawatankuasa Raja-raja mengenai Islam bagaimanapun bersetuju dengan cadangan penyelarasan itu, katanya.

Keputusan itu dibuat pada mesyuarat Majlis Raja-raja ke-176 yang berakhir hari ini. Ia dipengerusikan oleh Sultan Kedah.

Pelaksanaan undang-undang Islam berbeza antara negeri dan kadangkala menimbulkan masalah. Yang paling kontroversi ialah mengenai penangkapan dan pendakwaan terhadap tiga wanita Islam di Selangor yang menyertai pertandingan ratu cantik awal bulan ini.

Dr Mahathir berkata persetujuan itu akan memudahkan penyelarasan undang-undang Islam di semua negeri dan segala halangan yang timbul sebelum ini akan dapat diatasi.

Beliau berkata undang-undang itu bagaimanapun tidak akan melibatkan mereka yang bukan Islam.

"Kita tidak ada kena mengena dengan masyarakat bukan Islam, negara ini mempunyai penduduk bukan Islam dan kita tidak akan paksa undang-undang Islam dikenakan kepada yang bukan Islam,"katanya. -- BERNAMA

RAZ NHD MAI